MINIT MESYUARAT TAPAK N0.1
CADANGAN PEMBINAAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BEAUFORT, SABAH

Tarikh : 11hb Disember 2019
Masa : 4.15 Petang
Tempat : Bilik Mesyuarat, KPKTW6, Tingkat 3, Bangunan KWSP, Kota Kinabalu, Sabah

Nota:

KPKT	:	Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
JBPM	:	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
NIA	:	Noor Izwan Architect (Arkitek)
AFK	:	Aktif FA Konsult Sdn Bhd (PERUNDING Awam & Struktur)
JPI	:	Jurutera Perunding Intelek Sdn Bhd (PERUNDING Elektrikal & Mekanikal)
PQS	:	PQS Setia Konsult (PERUNDING Ukur Bahan)
REMT	:	REMT Utama Sdn Bhd (Kontraktor Utama)

<table>
<tr><th>BIL.</th><th>PERKARA</th><th>TINDAKAN</th><th>TARIKH AKHIR</th></tr>
<tr><td>1.0</td><td>UCAPAN PENDAHULUAN</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>1.1</td><td>Pengerusi En Mohd Arzaleigh Bin Abd Rahman mengalu-alukan kehadiran semua hadirin.</td><td>MAKLUMAN</td><td></td></tr>
<tr><td>1.2</td><td>Berhubung isu insuran, REMT perlu memutuskan samada memilih Bank Guarantee (BG) atau Wang Jaminan Perlaksanaan (WJP) dan kemukakan kepada PQS pada Jumaat 13 Disember 2019.</td><td>REMT</td><td>13.12.2019</td></tr>
<tr><td>1.3</td><td>Pengerusi memaklumkan bahawa REMT perlu kemukakan Profil Syarikat dan lesen Sub-Kontraktor mengikut keperluan kepada perunding yang terlibat dan kelulusan hanya akan diberikan oleh KPKT.</td><td>REMT</td><td></td></tr>
<tr><td>2.0</td><td>AUDIT KESIHATAN, KESELAMATAN, KEBERSIHAN DAN SEKURITI</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>2.1</td><td>Pengerusi memaklumkan bahawa pihak REMT perlu segera melantik Penyelia Keselamatan Tapak (Site Safety Supervisor) dan pembentangan laporan keselamatan perlu dibuat pada setiap mesyuarat.</td><td>REMT</td><td></td></tr>
<tr><td>3.0</td><td>ISU PEMBINAAN</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.1</td><td><u>Laporan Kemajuan Bulanan</u>
1. Pembentangan Laporan Kemajuan Kerja no.1 (12 Nov – 10 Dis 2019) oleh pihak REMT.
2. Pembentangan peratusan kerja dan kewangan berdasarkan program kerja yang belum diluluskan.</td><td>MAKLUMAN
MAKLUMAN</td><td></td></tr>
<tr><td>3.2</td><td>
<table>
<tr><th rowspan="3">Perkara</th><th colspan="2">Physical S-Curve (%)</th></tr>
<tr><th colspan="2">Program kerja diperakukan</th></tr>
<tr><th>10 Dis 2019</th><th></th></tr>
<tr><td>Kemajuan Jadual(Cumulative)</td><td>5%</td><td>-</td></tr>
<tr><td>Kemajuan Sebenar(Cumulative)</td><td>5%</td><td>-</td></tr>
<tr><td>Perbezaan (%)</td><td>-0%</td><td>-</td></tr>
<tr><td>Status</td><td>-</td><td>-</td></tr>
</table>
</td><td>MAKLUMAN</td><td></td></tr>
<tr><td>3.3</td><td>
<table>
<tr><th rowspan="3">Perkara</th><th colspan="2">Financial S-Curve (%)</th></tr>
<tr><th colspan="2">Program kerja diperakukan</th></tr>
<tr><th>10 Dis 2019</th><th></th></tr>
<tr><td>Kemajuan Jadual(Cumulative)</td><td>0%</td><td>-</td></tr>
<tr><td>Kemajuan Sebenar(Cumulative)</td><td>0%</td><td>-</td></tr>
<tr><td>Perbezaan (%)</td><td>0%</td><td>-</td></tr>
</table>
</td><td>MAKLUMAN</td><td></td></tr>
<tr><td>3.4</td><td><u>Program Kerja</u>
1. NIA memaklumkan bahawa Perunding telah menerima draf Program Kerja daripada REMT pada 3 Disember 2019. Ulasan telah diberi untuk pembetulan dan pindaan Program Kerja diterima hari ini semasa mesyuarat untuk semakan susulan.
2. Pengerusi memaklumkan bahawa REMT perlu menggunapakai Microsoft Project versi terkini dalam penyediaan Program Kerja.</td><td>MAKLUMAN
REMT</td><td></td></tr>
</table>

MINIT MESYUARAT TAPAK N0.1
CADANGAN PEMBINAAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BEAUFORT, SABAH

Tarikh : 11hb Disember 2019
Masa : 4.15 Petang
Tempat : Bilik Mesyuarat, KPKTW6, Tingkat 3, Bangunan KWSP, Kota Kinabalu, Sabah

BIL.	PERKARA	TINDAKAN	TARIKH AKHIR
	3. Pengerusi menegaskan bahawa Program Kerja Utama (*Master Work Programme*) perlu diperincikan mengikut skop kontrak REMT dan Perunding perlu membuat semakan dan penelitian.	**REMT/ PERUNDING**	
	4. REMT melaporkan akan membuat pindaan ke atas Program Kerja dan kemukakan kepada Perunding pada 20 Disember 2019 sebelum dimajukan kepada KPKT.	**REMT**	20.12.2019
	5. REMT melaporkan bahawa kerja-kerja di Tapak yang sedang dijalankan adalah melibatkan pemasangan Pagar Keselamatan, Papan Tanda Projek dan Pejabat Tapak.	**MAKLUMAN**	
	6. JPI memaklumkan bahawa Pembinaan Bangunan Pencawang Elektrik SESB perlu dikeluarkan daripada Program Kerja kerana tiada di dalam skop asal kontraktor.	**REMT**	
3.5	**Pejabat Tapak** 1. Pengerusi memaklumkan bahawa NIA perlu mendapatkan Lukisan Piawaian dan senarai kehendak bagi Pejabat Tapak daripada Unit Senibina KPKT untuk diserahkan kepada REMT.	**NIA**	
	2. Pengerusi memaklumkan bahawa REMT perlu memastikan Pejabat Tapak dapat disiapkan segera bagi membolehkan mesyuarat seterusnya dibuat di Tapak.	**REMT**	
3.6	**Pencawang SESB** 1. JPI memaklumkan telah mengemukakan surat kepada SESB Beaufort memohon pertimbangan supaya pembinaan pencawang elektrik dimasukkan dalam kos sumbangan dan dilaksana oleh pihak SESB sendiri.	**MAKLUMAN**	
	2. JPI juga memaklumkan sebenarnya perbincangan awal bersama SESB Beaufort telah dibuat sebelum ini.	**MAKLUMAN**	
3.7	**Kelulusan Bahan Binaan** 1. Pengerusi memaklumkan bahawa REMT perlu kemukakan senarai bahan kepada Perunding yang berkaitan dan Perunding perlu memajukan kepada Unit Teknikal KPKT (mengikut disiplin) dan juga Wilayah 6.	**MAKLUMAN**	
3.8	JPI meminta REMT membuat *pagging* di kedua-dua jalan/akses untuk mengenalpasti jumlah tiang elektrik yang perlu dipindahkan atau struktur tiang yang perlu ditinggikan sebelum JPI membuat pemeriksaan bersama SESB Beaufort.	**REMT**	
4.0	**LUKISAN PEMBINAAN**		
4.1	1. JPI melaporkan bahawa Lukisan Pembinaan Elektrikal telah diserahkan kepada REMT dan KPKT Wilayah 6 pada 9 Disember 2019 dan Lukisan Pembinaan Mekanikal akan diserahkan pada minggu hadapan.	**MAKLUMAN /JPI**	
	2. NIA memaklumkan bahawa Lukisan Pembinaan Arkitektur telah dikemukakan kepada REMT pada 14 November 2019.	**MAKLUMAN**	
	3. AFK memaklumkan bahawa Lukisan Pembinaan Awam dan Struktur telah dikemukan kepada REMT.	**MAKLUMAN**	
5.0	**KELULUSAN PELAN DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**		
5.1	**Pelan Pembangunan (DP) dan Pelan Bangunan (BP)** 1. NIA memaklumkan bahawa Pelan DP dan BP masih belum diluluskan oleh Majlis Daerah Beaufort disebabkan isu akses yang tidak dipersetujui oleh JKR Beaufort.	**MAKLUMAN**	
	2. JBPM menegaskan bahawa cadangan akses ke Kuarters melalui akses utama adalah tidak diterima, NIA perlu kemuka cadangan akses yang baru untuk laluan ke Kuarters.	**NIA**	
	3. AFK perlu mengkaji serta menyediakan laporan ringkas ke atas kesan trafik dan langkah penyelesaian berhubung isu akses yang berdekatan selekoh.	**AFK**	
	4. PQS perlu mengkaji dan menyediakan anggaran kos tambahan sekiranya pembinaan akses baru ke Kuarters dilaksanakan.		
	5. PQS meminta NIA dan AFK untuk menyediakan lukisan berkaitan	**NIA / AFK**	

MINIT MESYUARAT TAPAK N0.1
CADANGAN PEMBINAAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BEAUFORT, SABAH

Tarikh : 11hb Disember 2019
Masa : 4.15 Petang
Tempat : Bilik Mesyuarat, KPKTW6, Tingkat 3, Bangunan KWSP, Kota Kinabalu, Sabah

BIL.	PERKARA	TINDAKAN	TARIKH AKHIR
	cadangan akses baru bagi membolehkan pihak mereka menyediakan anggaran kos untuk dimajukan kepada Unit Ukur Bahan KPKT. 6. Pengerusi memaklumkan bahawa Perunding perlu berbincang berhubung isu akses ini bersama pihak JBPM dan KPKT bagi mencapai penyelesaian segera dan mengelak kelewatan kelulusan Pelan DP dan BP.	**PERUNDING**	
5.2	**Pelan Kejuruteraan** 1. JPI dan AFK memaklumkan bahawa pelan-pelan kejuruteraan belum boleh dikemukakan kepada PBT yang terlibat kerana kelulusan DP dan BP belum diperolehi. 2. JPI memaklumkan bahawa SESB telah meminta salinan surat kelulusan DP dikemukakan sebelum tindakan lanjut boleh diambil oleh pihak SESB. Untuk rekod JPI telah mengemukakan permohonan bekalan elektrik (Borang PD9) ke SESB Beaufort pada 14 November 2019 untuk semakan dan kelulusan.	**MAKLUMAN** **MAKLUMAN**	
6.0	**PROSEDUR KAWALAN KUALITI DAN KEPASTIAN KUALITI**		
6.1	Pengerusi memaklumkan bahawa Kontraktor dan Perunding perlu mengikut senarai semak yang telah disediakan oleh KPKT.	**MAKLUMAN**	
6.2	Pengerusi memaklumkan Perunding perlu merujuk dan menggunapakai borang piawaian kawalan kualiti yang telah diserah semasa mesyuarat pra pembinaan.	**MAKLUMAN**	
6.3	Pengerusi menegaskan bahawa Perunding perlu membentangkan laporan kawalan kualiti pada setiap mesyuarat berhubung isu-isu seperti senarai bahan, status RFI, NCR dan lain-lain mengikut keperluan.	**MAKLUMAN**	
7.0	**ISU KONTRAK**		
7.1	PQS meminta agar Kontraktor mengemukakan surat kepada S.O (KPKT) berhubung pemilihan *Retention Sum* bagi setiap pembayaran interim.	**REMT**	
7.2	KPKT meminta agar PQS memaklumkan status Bayaran Kemajuan pada setiap Mesyuarat Tapak.	**MAKLUMAN**	
7.3	PQS memaklumkna bahawa REMT perlu kemukakan perincian BQ untuk semakan awal.	**REMT**	
8.0	**A.P.K DAN P.H.K**		
	- *Tiada isu berbangkit*		
9.0	**HAL-HAL LAIN**		
9.1	**Site Staff** 1. Pengerusi memaklumkan NIA perlu merujuk kepada CSA bagi memastikan perlantikan C.O.W mengikut tempoh yang ditetapkan. 2. AFK memaklumkan bahawa calon Jurutera Tapak telah hadir untuk sesi temuduga di KPKT pada hari ini.	**NIA** **MAKLUMAN**	
9.2	Pengerusi mengingatkan semua Perunding untuk memastikan wakil setiap disiplin yang menghadiri Mesyuarat Tapak perlulah seorang yang kompeten dan berupaya membuat keputusan bagi memastikan mesyuarat berjalan lancar.	**MAKLUMAN**	
10.0	**PENANGGUHAN MESYUARAT**		
	Mesyuarat ditangguhkan pada jam 5.45 petang dan Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kerjasama yang telah diberi oleh semua pihak. Mesyuarat berikutnya akan dimaklumkan kemudian.		

MINIT MESYUARAT TAPAK N0.1
CADANGAN PEMBINAAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BEAUFORT, SABAH

Tarikh : 11hb Disember 2019
Masa : 4.15 Petang
Tempat : Bilik Mesyuarat, KPKTW6, Tingkat 3, Bangunan KWSP, Kota Kinabalu, Sabah

MINIT MESYUARAT DICATAT DAN DIREKOD OLEH :

TARIKH :

……..
Ar. Noor Izwan Bin Rahim
Noor Izwan Architect

MINIT MESYUARAT DISEMAK OLEH : **TARIKH :**

……..
Jeremy Jeffery Gunis
Penolong Pengarah
Pejabat Wilayah 6
Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan
Tempatan

MINIT MESYUARAT DISAHKAN OLEH : **TARIKH :**

……..
Mohd Arzaleigh Bin Abd Rahman
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Pejabat Wilayah 6
Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan
Tempatan.